

23/03/1998

Siasatan politik wang diserahkan kepada BPR

LENGGONG, Ahad - Badan Perhubungan Umno Kelantan menyerahkan siasatan mengenai politik wang membabitkan ahli perwakilan Umno Kelantan dalam merebut jawatan peringkat bahagian kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk tindakan sewajarnya.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata pihaknya menerima aduan sekurang-kurangnya tiga kes politik wang di kalangan ahlinya.

Pihaknya tidak akan membela dan menyokong ahli yang terbabit dalam kegiatan politik wang kerana ia ternyata boleh menghancurkan perpaduan serta kekukuhan parti.

"Jika laporan itu benar dan mempunyai bukti, kita juga menganjurkan kepada BPR supaya meneruskan tanggungjawab itu untuk menjalankan siasatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Persidangan Perwakilan Umno Chenderoh, di sini, hari ini.

Selain Kelantan, BPR juga menerima aduan berkaitan politik wang di Melaka, Perak, Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Semalam, BPR juga menahan tiga perwakilan Umno Bahagian Kuala Selangor berhubung kes politik wang dalam pertandingan merebut pelbagai jawatan di peringkat bahagian, minggu lalu.

Sementara itu, Annuar berkata, jangkaan berlakunya kehangatan dan kegawatan hebat dalam mesyuarat perwakilan di negeri itu, tidak tepat apabila semua mesyuarat perwakilan di 14 bahagian yang berakhir semalam berjalan dengan lancar tanpa sebarang kekecohan.

Menurutnya, keadaan itu menunjukkan satu petanda baik dan mempamerkan Umno Kelantan sudah stabil, matang serta mematuhi disiplin parti seperti dinasihatkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika sifat itu dikekalkan, Umno Kelantan akan terus kukuh dan maju tanpa sebarang perbalahan. Saya percaya Umno Kelantan boleh menjadi contoh terbaik kepada negeri lain," katanya.

Menurutnya, Badan Perhubungan Umno Kelantan akan memulakan persiapan dan gerakan penerangan menghadapi pilihan raya di semua 14 bahagian, mulai April ini.

(END)